

SOALAN NO: 530

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN MANIVANAM A/L GOWINDASAMY

SOALAN:

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani peningkatan kes kemalangan melibatkan pekerja semasa pergi-balik dari tempat kerja; dan
- (b) apakah peranan Pusat Rehabilitasi PERKESO. Berapakah jumlah kos pembinaan Pusat Rehabilitasi PERKESO. Apakah perbezaan sebenar di antara pusat Rehabilitasi PERKESO dengan Hospital Rehabilitasi Cheras di bawah Kementerian Kesihatan.

PR-1331-T67112

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Di antara langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk menangani peningkatan jumlah kes kemalangan melibatkan pekerja semasa pergi-balik dari tempat kerja adalah seperti berikut :-

- Penubuhan Jawatankuasa Pencegahan Bencana Kerja PERKESO untuk memantau pelaksanaan program pencegahan kemalangan industri dan pencegahan kemalangan perjalanan di kalangan pencarum. Anggota jawatankuasa ini adalah dilantik dari semua agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat di dalam pencegahan kemalangan seperti Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOOSH), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)*, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Kesihatan Malaysia serta badan-badan NGO seperti *Malaysian Employers Federation (MEF)*, *Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)*, *Malaysian Trade Union Congress (MTUC)* dan Pesatuan Pengguna;

- Kursus Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kerjasama institusi dan NGO seperti NIOSH, JKPP serta NGO-NGO seperti MBAM, MTUC, MEF, CICM, FMM dan lain-lain lagi yang mempunyai kepakaran dalam bidang pencegahan kemalangan di tempat kerja dan kemalangan jalan raya. Pada tahun 2014 sebanyak 444 program kursus yang melibatkan pencegahan kemalangan industri dan 150 kursus melibatkan pencegahan kemalangan jalanraya telah dilaksanakan oleh institusi-institusi terbabit di bawah geran kewangan PERKESO 2014;
- Khidmat Rundingan *Occupational Safety and Health (OSH)* kepada majikan-majikan yang dikenalpasti bagi memberi bimbingan dan meningkatkan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan majikan dan pekerja untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan ditempat kerja termasuk di jalanraya. Sebanyak 73 program telah dilaksanakan dibawah geran kewangan PERKESO 2014;
- Seminar Pencegahan Kemalangan dan Kempen Perjalanan Selamat di peringkat kebangsaan diadakan bagi meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dikalangan majikan dan pekerja secara berterusan;

- Pengiklanan dan poster bertujuan mempromosi secara media cetak dan elektronik melalui penerbitan iklan televisyen serta poster bagi mendidik majikan dan pekerja berkaitan pencegahan kemalangan melalui konsep visual; dan
- PERKESO juga telah membangunkan garis panduan *Good Practices in Implementing Commuting Safety Management* dengan kerjasama SIRIM Berhad. Garis panduan ini diperkenalkan khusus untuk kegunaan majikan bagi mengurangkan kadar kemalangan perjalanan dikalangan pekerja.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Pusat Rehabilitasi PERKESO dibina bertujuan untuk melaksanakan perkhidmatan pemulihan Orang Berinsurans yang mengalami hilang upaya akibat bencana kerja atau menghidap keilatan untuk tujuan kembali ke alam pekerjaan secara sistematik dengan selamat dan cepat selaras dengan Seksyen 40, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Kos pembinaan pusat ini adalah berjumlah RM269 juta.

3. Pusat Rehabilitasi PERKESO adalah sebuah Pusat Rehabilitasi yang mengintegrasikan pemulihan fizikal dan vokasional dengan menggunakan konsep biopsikososial bagi menyokong Program *Return to Work* PERKESO. Antara perkhidmatan yang disediakan

ialah pemulihan fisioterapi, terapi cara kerja, rehabilitasi industri, *work hardening*, dan latihan vokasional. Program-program yang disediakan ini adalah untuk Orang Berinsurans PERKESO yang mempunyai hilang upaya akibat bencana kerja atau keilangan dengan membantu mereka kembali bekerja sama ada di tempat kerja yang asal ataupun ditempat kerja yang baru.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Di samping itu, Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) adalah satu hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang mula dibina pada 15 Februari 2008 dan siap pada bulan Februari 2012. Ianya telah mula beroperasi sejak bulan April 2012 dan mempunyai kapasiti sebanyak 166 katil.

5. HRC berfungsi sebagai pusat rujukan negara bagi pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan susulan di bawah perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi. Ia menerima rujukan dari seluruh negara dan kes-kes kendaliannya merupakan kes-kes yang kompleks dan memerlukan pendekatan multidisiplinari yang lebih intensif dan komprehensif. Ia bertujuan untuk memastikan pesakit yang mengalami kehilangan upaya dapat kembali ke tahap kefungsiannya optima melalui program pemulihan yang ditawarkan.

6. Pendekatan multidisiplinari yang dimaksudkan sebelum ini adalah pendekatan berpasukan yang diketuai oleh Pakar Perubatan

Rehabilitasi dengan *core members* yang terdiri daripada Jururawat Terlatih serta anggota Pemulihan Perubatan Fisioterapi, Carakerja dan Pertuturan. Pasukan ini akan sama-sama terlibat dalam membuat penilaian, perancangan pelan rawatan serta memantau perkembangan pesakit semasa dan selepas rawatan. Ianya akan menjadikan rawatan yang diterima lebih menyeluruh dan seterusnya mendapatkan *outcome* yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Antara bidang-bidang subkepakaran yang ditawarkan di HRC secara pesakit luar (Klinik Pakar) mahupun pesakit dalam (wad) adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan Rehabilitasi Kecederaan Saraf Tunjang (Spinal Cord Injury)
- Rehabilitasi Stroke dan Neuromedikal
- Perkhidmatan Rehabilitasi Kecederaan Otak Trauma (Traumatic Brain Injury) dan Neurosurgeri
- Perkhidmatan Rehabilitasi Amputee dan Muskuloskeletal
- Perkhidmatan Rehabilitasi Pediatrik
- Perkhidmatan Rehabilitasi Geriatrik
- Perkhidmatan Rehabilitasi Cardiopulmonari

8. Perkhidmatan-perkhidmatan sokongan lain yang amat penting dalam proses pemulihan pesakit yang terdapat di HRC termasuk:

- Perkhidmatan Perubatan Tradisional & Komplementari
- Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan
- Perkhidmatan Psikologi Kaunseling
- Perkhidmatan Psikologi Klinikal
- Perkhidmatan Teknologi Rehabilitasi (Prostetik & Ortotik)
- Perkhidmatan Pemulihan Pendengaran (Audiologi)
- Perkhidmatan Perubatan Sukan

9. Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan pula adalah seperti berikut:

- Kompleks Wad dengan 6 wad khusus (*Pediatrik, Spinal Cord Injury, Stroke/Neurologi, Geriatrik, Amputee/Orthopedik dan Traumatic Brain Injury/Neurosurgeri*) yang luas dan mesra OKU bagi perkhidmatan pesakit dalam.
- Kompleks Klinik Pakar pelbagai disiplin dengan beberapa bilik yang dilengkapi dengan beberapa peralatan bagi membantu dalam proses diagnosis pesakit seperti *Urodynamic Study, EEG/EMG* dan sebagainya bagi perkhidmatan pesakit luar.
- Gimnasium yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan canggih dan berteknologi tinggi bagi kedua-dua perkhidmatan pemulihan iaitu Pemulihan Anggota dan Pemulihan Carakerja. Ini termasuklah dua kolam hidroterapi (jenis modular dan

konvensional) dengan kemudahan *lift hoist* bagi kemudahan pemindahan pesakit dan platform boleh laras.

- Unit Pemulihan Pendengaran (Audiologi) yang dilengkapi dengan beberapa bilik *acoustic treated* dan peralatan-peralatan berteknologi tinggi bagi membantu proses diagnosis dan rawatan.
- Unit Teknologi Rehabilitasi dengan satu bengkel khusus yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan-peralatan canggih bagi menyediakan peralatan-peralatan prostesis dan ortosis untuk pesakit-pesakit yang memerlukannya.
- Beberapa bilik untuk Unit Hidup Kendiri (*Independent Living Unit*) yang bertujuan untuk menempatkan pesakit-pesakit bagi membolehkan mereka berlatih melakukan aktiviti kehidupan harian mereka dan menyesuaikan diri dengan persekitaran rumah sebelum mereka didiscaj.
- Kemudahan Medihotel bagi menempatkan keluarga atau *caretaker* pesakit bagi membolehkan mereka sentiasa berada bersama-sama pesakit dan memberikan mereka *moral support* sepanjang pesakit menerima rawatan di hospital ini.